



LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan Kawalan Keselamatan untuk membuat tawaran bagi perolehan perkhidmatan seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA	BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG PUKONSA/CIDB (YANG BERKAITAN)	TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH /MASA TUTUP SEBUT HARGA
LPPS/SH-002/2020	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Bangunan Ibu Pejabat LPPS, Jalan Tun Fuad Stephens, Tanjung Lipat 88617 Kota Kinabalu	Berdaftar dengan PUKONSA di bawah Kod : 220302 Kawalan Keselamatan atau Berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) di bawah Kod 220801 Kawalan Keselamatan dan Memegang lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang masih sah (sekurang-kurangnya 3 bulan)	Tarikh : 27 Ogos 2020 (Rabu) Jam 09.00 pagi, Bilik Mesyuarat Pengurusan, Bangunan Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, Jalan Tun Fuad Stephens, Tanjung Lipat 88617 Kota Kinabalu.	Tarikh : 02 September 2020 (Khamis), Jam 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebut harga boleh diperolehi bermula pada **14 Ogos 2020 (Jumaat)** di Bahagian Pentabiran, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, semasa waktu pejabat bermula dari 09.00 pagi sehingga 04.00 petang. **Harga Dokumen Sebut Harga adalah RM50.00 (tidak dikembalikan).**
3. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang namanya dinyatakan di dalam sijil PUKONSA atau wakil-wakil yang SAH sahaja dengan membawa '**SURAT TAULIAH**' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. Sijil asal PUKONSA hendaklah ditunjukkan ketika hendak membeli dokumen sebut harga.
4. Semasa Taklimat/Lawatan Tapak dan mengambil Dokumen Sebutharga, syarikat-syarikat mestilah mengemukakan Sijil Asal (untuk pengesahan) dan Salinan photostat (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut :-
 - a) Sijil Pendaftaran Syarikat dari PUKONSA atau PMS yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan;
 - b) Surat Kelulusan Lesen untuk menjalankan Urusan Agensi Persendirian yang membuktikan syarikat mempunyai alamat berdaftar pejabat atau surat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN);

- c) Sijil Lesen untuk menjalankan Urusan Agensi Persendirian dari KDN yang sah dan masih berkuatkuasa.
5. Setiap syarikat yang hendak membuat tawaran adalah WAJIB hadir ke Taklimat/Lawatan Tapak.
6. Bagi pemilik Lesen PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut :-
 - a) Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA
 - b) Resit ASAL Penjelasan Pembayaran kelulusan
7. Semua Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **dimeteraikan** serta bertanda nombor **rujukan sebut harga** dan dialamatkan kepada

**Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah
Bangunan Ibu Pejabat LPPS
Jalan Tun Fuad Stephens, Tanjung Lipat
88617 Kota Kinabalu**

dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang terletak di Aras Bawah di alamat di atas sebelum tarikh tutup tawaran.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat jika syarat-syarat berkaitan telah dipenuhi.

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH**